

# PM: Isu keselamatan makanan kini jadi masalah 'kesihatan'

UM - 4 SEP 1990

KUALA LUMPUR 3 Sept. — Isu keselamatan makanan kini menjadi salah satu daripada masalah kesihatan yang menyeluruh yang dihadapi oleh semua negara di dunia, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Katanya, penggunaan secara meluas kimia tani (*agrochemicals*) adalah satu contoh kepada "gergaji dua mata" teknologi moden yang menimbulkan kesan positif dan negatif.

"Tanpa bahan-bahan itu, pengeluaran makanan kita mungkin sangat terbatas.

"Tetapi ia juga menimbulkan risiko kepada alam sekitar serta kesihatan dan dalam keadaan tertentu, sumber makanan itu sendiri," ujar Perdana Menteri semasa merasmikan Persidangan Pertama Asia Mengenai Keselamatan Makanan di sini hari ini.

Persidangan selama lima hari itu dihadiri oleh lebih 450 peserta dari seluruh dunia terutamanya dari agensi kerajaan, pertubuhan saintis dan teknologis makanan, kumpulan pengguna serta pengeluar dan pengeksport makanan.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, amalan pengendalian makanan yang

kurang baik adalah punca utama berlakunya banyak masalah penyakit bawaan makanan di negara-negara membangun di Asia.

Selain itu, katanya, negara-negara membangun juga berdepan dengan masalah penggunaan bahan-bahan kimia dalam pertanian.

"Penggunaan racun pemusnah, hormon pertumbuhan, antibiotik, penambahan (*additif*) yang diharamkan di samping pencemaran alam sekitar serta industri telah melipatgandakan masalah keselamatan makanan.

"Tetapi, masyarakat mewah pula menghadapi masalah daripada sajian yang tidak seimbang yang mengakibatkan masalah berat badan, darah tinggi dan penyakit jantung," ujarnya.

Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan, kesedaran masyarakat perlu dipertingkatkan bagi membolehkan mereka melindungi diri dan keluarga mereka.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Persidangan, Zahara Merican berkata, persidangan itu akan membincangkan cabaran keselamatan makanan di Asia, menggalakkan usaha-usaha memperkuatkan sistem perlindungan makanan

oleh kerajaan dan industri serta meningkatkan kesedaran pengguna-pengguna.

Persidangan yang bertemakan "Cabaran Dekad 90-an" itu akan turut mencadangkan satu rangka tindakan mengenai keselamatan makanan bagi Asia untuk dekad 90-an, ujar beliau.

Presiden Institut Sains Hayat Antarabangsa (ILSI), Dr. Alex Malaspina dalam ucapannya pula berharap, sebuah pejabat cawangan ILSI akan dapat ditubuhkan di Malaysia.

ILSI yang beribu pejabat di Washington DC dengan cawangan di Australia, Eropah, Jepun dan Amerika Utara akan membuka pejabat baru di Mexico dan Brazil.

Persidangan tersebut dianjurkan bersama oleh Institut Teknologi Makanan Malaysia (MIFT), ILSI, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Kementerian Kesihatan dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Ia dianjurkan dengan kerjasama Persekutuan Institut Sains dan Teknologi Makanan ASEAN (FIFSTA), Pertubuhan Pertanian dan Makanan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) serta Kesatuan Antarabangsa Sains dan Teknologi Makanan (IUFST).